

KPDNKK bincang tangani kos sara hidup minggu depan



HAMZAH

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan mengadakan pertemuan dengan semua pemain industri termasuk pengguna dalam usaha untuk mencari jalan terbaik bagi menangani kos sara hidup selawat-lewatnya pada minggu depan.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, pertemuan itu

akan dibuat selepas mesyuarat jawatankuasa peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi diadakan pada Jumaat ini.

Beliau berkata, pihaknya akan menggabungkan kesemua pemain industri seperti persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) supaya mereka mengetahui dan me-

matuhi peraturan kerajaan pada pertemuan kali ini.

“Sekiranya terdapat percanggahan pendapat, semuanya boleh diselesaikan pada masa itu juga. Pertemuan itu berdasarkan memorandum yang diserahkan dan mengenai rungutan masyarakat mengenai kenaikan kos sara hidup ketika ini.

“Pembekal telefon bimbit, con-

tohnya, akan diarahkan untuk memberikan senarai pengedar sah sahaja untuk mengelakkan kes penipuan berulang,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis Perhimpunan Bulanan KPDNKK di sini semalam. Hadir sama Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah dan Ketua Setiausaha, Datuk Seri Alias Ahmad.